

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN  
MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

**MAJLIS  
KONVOKESYEN  
MAKTAB KOPERASI MALAYSIA  
KE-21**

**DI  
DEWAN SERBAGUNA, ARAS G, KPDKKK**

**PADA  
KHAMIS, 25 MEI 2017**

**MASA**

**11.00 PAGI**

**BISMILLAHIRAHMANIRAHIM**

**ASSALAMUALIKUM WARAHNATULLAHI WABARAKATUH  
SALAM SEJAHTERA, SALAM 1 KPDKKK DAN SALAM NEGARAKU  
MALAYSIA**

**YANG BERBAHAGIA DATO' SRI JAMIL BIN SALLEH  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGGUNAAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' BASARUDDIN BIN SADALI  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PERDAGANGAN DALAM NEGERI)  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGGUNAAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' RAZALI BIN OTHMAN  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEPENGGUNAAN DAN PENGURUSAN)  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGGUNAAN**

**YANG BERBAHAGIA PROF DATUK MOHD YUSOF BIN KASIM  
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH  
MAKTAB KOPERASI MALAYSIA**

**YANG BERUSAHA PROF MADYA DR ABDUL RAHMAN ABDUL RAZAK  
SHAIK  
KETUA PENGARAH  
MAKTAB KOPERASI MALAYSIA**

**AHLI LEMBAGA PENGARAH MKM  
TIMBALAN-TIMBALAN KETUA PENGARAH MKM  
KETUA-KETUA JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KPDKKK  
IBU BAPA, SELURUH WARGA MKM DAN RAKAN MEDIA  
HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT yang telah mengizinkan kita semua

berhimpun dan bertemu dalam Majlis Konvokesyen Maktab Koperasi Malaysia Kali Ke-21 pada pagi yang mulia ini.

2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengajur, Maktab Koperasi Malaysia yang telah sudi menjemput saya hadir bagi menyempurnakan majlis graduasi yang bersejarah ini. Apatah lagi Dewan Serbaguna KPDKKK Putrajaya sekali lagi diberikan penghormatan oleh MKM sebagai lokasi untuk mengadakan Majlis ini.
3. Tahniah kepada seluruh warga kerja MKM dan semua pihak yang telah bekerja keras merealisasikan majlis yang penuh bermakna ini bagi meraikan kejayaan para graduan, para pendidik serta ibu bapa yang hadir di majlis ini.
4. Setinggi penghargaan dan tahniah kepada semua graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian. Kejayaan yang dicapai hari ini pasti menjadi kebanggaan graduan, MKM, ibu bapa, keluarga, sahabat, rakan dan taulan. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada MKM yang telah berjaya melahirkan seramai 123 graduan Diploma Pengurusan Koperasi pada Majlis Konvokesyen Ke-21 ini. Konvokesyen kali ini pastinya akan dikenang oleh graduan dan semua pihak yang terlibat sebagai satu majlis yang penuh dengan kenangan.

## **HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN**

### **MKM pemancu pendidikan modal insan koperasi masa depan**

5. Hasrat Dasar Koperasi Negara yang mahukan koperasi menyumbang RM50 billion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar negara menjelang 2020 tinggal 3 tahun lagi. Pada tahun 2016 gerakan koperasi telah berjaya menyumbang hampir RM40 billion kepada KDNK negara. Peningkatan sebanyak RM10 billion lagi diperlukan untuk mencapai hasrat ini. Angka ini adalah KPI gerakan koperasi. Oleh itu, untuk memastikan hasrat ini dicapai, semua koperasi perlu memainkan peranan secara kolektif meningkatkan pendapatan masing-masing sekitar 5-6% setahun.
6. Sehubungan itu, sempena Majlis Konvokesyen ini, saya menyeru kepada para graduan semua, yang gerakan koperasi sangat

memerlukan mereka. Gerakan koperasi memerlukan ‘game changer’ atau peneraju perubahan di kalangan generasi muda untuk meletakkan koperasi sebagai sektor ketiga penting dalam pembangunan ekonomi negara selepas sektor awam dan sektor swasta. Oleh itu graduan yang telah tamat latihan dan pendidikan di MKM pada hari ini perlu memainkan peranan besar mereka sebagai ‘game changer’ atau peneraju perubahan di koperasi. Supaya kehadiran graduan akan dapat dirasai denyut nadinya oleh warga koperasi kerana dengan sentuhannya koperasi dapat bergerak lebih pantas dan melonjakkan sumbangaan koperasi mencapai ketahap yang dikehendaki oleh Dasar Koperasi Negara.

7. Majlis konvokesyen kali ini menyaksikan seramai 123 graduan menerima Diploma masing-masing. Kajian awal mendapati 10 orang iaitu (8%) dari graduan ini telah ditawarkan pekerjaan oleh majikan masing-masing semasa mereka mengikuti latihan industri lagi. Sementara bakinya sedang mengikuti Skim Latihan Kerjaya Koperasi (SLKK). Statistik ini membuktikan bahawa graduan MKM mampu memenuhi keperluan pasaran pekerjaan serta dapat bersaing dengan graduan dari institut pengajian tinggi yang lain.
8. Selain bertindak sebagai ‘game changer’ graduan juga perlu mencipta pekerjaan. Bukan menunggu pekerjaan atau ingin makan gaji semata-mata. Sebaliknya bertindaklah menjadi usahawan yang berjaya. Pada tahun 2016, pekerja asing telah membawa pulang RM37 billion ke negara masing-masing yang memberi impak besar kepada negara kerana wang tersebut tidak beredar dalam negara untuk menjana ekonomi.
9. Oleh itu saya menyeru agar graduan dalam dewan ini rebutlah peluang untuk menjadi usahawan. Kerajaan menyediakan banyak peluang dan insentif kepada graduan untuk menceburi bidang keusahawanan khususnya usahawan on-line. Kerajaan telah melancarkan ‘Digital Free Trade Zone’ pada 22 MAC lalu yang bakal memberi impak besar kepada industry perdagangan elektronik negara. Hab dan platform dalam zon DFT ini akan membantu syarikat kecil dan sederhana tempatan memasarkan produk mereka ke peringkat global. Oleh itu graduan perlu

merebut peluang ini samada sebagai usahawan atau warga koperasi.

## **HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN**

### **MKM membentuk modal insan yang dinamik dan kompeten**

9. MKM adalah satu-satunya institusi latihan dan pendidikan koperasi di negara ini yang diberi tanggungjawab melestarikan pembangunan modal insan koperasi. Teras Strategi III Dasar Koperasi Negara khususnya memberi tumpuan kepada MKM untuk melahirkan modal insan kompeten yang berkeupayaan untuk menggerakkan koperasi mencapai matlamat penubuhannya. Menjadi harapan saya agar MKM akan dapat meneruskan agenda pembangunan modal insan sepanjang hayat dan berkeupayaan membina generasi muda yang berilmu dalam gerakan koperasi dengan memperkenalkan mod pembelajaran yang sesuai dengan kehendak mereka.
10. Saya yakin MKM mempunyai pelan hala tuju yang jelas dalam melahirkan modal insan yang kompeten bagi memenuhi keperluan gerakan koperasi. Selepas 60 tahun berada dalam gerakan koperasi, MKM telah melaksanakan transformasi dengan menubuhkan Kolej iCOOP. Sebuah IPTS milik penuh MKM untuk mengendalikan program pendidikan tinggi, dengan harapan kolej ini akan dapat memainkan peranan yang lebih luas lagi dalam bidang kebitaran koperasi. Sementara MKM pula memberi tumpuan untuk mengendalikan kursus jangka pendek khusus kepada Lembaga koperasi. MKM juga dalam proses meminda Aktanya untuk menjenamakan MKM menjadi Institut Koperasi Malaysia agar dapat memainkan peranan yang lebih besar menerajui kebitaran latihan dalam bidang koperasi di negara ini dan menjadi hub rujukan koperasi di rantau Asia Pasifik.
11. Sehubungan itu MKM telah melaksanakan strategi NBOS dengan Jabatan Kemahiran Malaysia bagi memberi nilai tokok kepada kursus MKM agar lebih bernilai dan eksklusif. Adalah diharapkan peserta kursus yang mengikuti kursus di MKM selepas ini akan

lebih kompeten untuk mengaplikasikan ilmu dan kemahirannya bagi membantu melonjakkan pencapaian koperasi ketahap yang lebih membanggakan selari dengan gerakan koperasi di luar negara. Insya Allah majlis menandatangani MoU kerjasama ini akan diadakan selepas majlis konvokesyen ini nanti.

## **HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN**

### **Keprihatinan KPDNKK membantu kecemerlangan modal insan**

11. Saya puji setiap usaha yang dimainkan oleh MKM bagi memastikan sektor latihan dan pendidikan dalam gerakan koperasi mencapai matlamatnya. Selain golongan muda, MKM juga tetap meneruskan agenda pendidikannya kepada golongan dewasa dan veteran. Golongan ini adalah pelupor utama dalam gerakan koperasi sejak sekian lama. Kursus-kursus yang berorientasikan pengurusan, tadbir urus koperasi dan keusahawanan menjadi keutamaan. InsyaAllah, kombinasi golongan ini dan golongan muda yang berilmu mampu meningkatkan keupayaan dan pencapaian terbaik gerakan koperasi di masa depan.
  
12. Atas keprihatinan itu, KPDNKK senantiasa memberi sokongan dalam membantu merealisasikan misi dan visi MKM sebagai pemancu modal insan koperasi. Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab kepada kemajuan koperasi di Malaysia, peranan MKM tetap menjadi agenda penting sejajar dengan matlamat Dasar Koperasi Negara. Sudah semestinya, tunggak kejayaan dalam gerakan koperasi negara bermulanya di MKM.
  
13. Kecemerlangan MKM dalam melahirkan modal insan koperasi turut dibantu oleh agensi-agensi lain di bawah KPDNKK seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Perbadanan Harta Intelek (MyIPO), Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Bank Rakyat (BKRM) serta koperasi puncak Angkatan Koperasi

Kebangsaan (ANGKASA). Kolobrasi penting ini akan diteruskan melalui penubuhan sebuah universiti swasta yang menggabungkan semua keperluan agensi yang dikenali sebagai University of Trade and Co-operative (UTRAC).

## **HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN.**

### **Penutup**

14. Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir pada pagi ini dan ucapan syabas kepada seluruh warga kerja MKM yang telah bekerja keras dalam memastikan Majlis Konvokesyen MKM Ke-21 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Ucapan tahniah kepada para graduan yang akan menerima Diploma Pengurusan Koperasi sebentar lagi. Nasihat saya kepada para graduan, jadikanlah majlis ini sebagai ‘titik permulaan’ anda untuk terus maju dan berjaya di masa hadapan.
15. Tahniah serta syabas kepada pensyarah MKM yang telah berusaha gigih mendidik dan membangunkan anak bangsa sehingga berjaya. Kepada ibu bapa yang hadir pada pagi ini, terima kasih atas pengorbanan serta sokongan yang telah diberikan dan tahniah atas kejayaan anak-anak anda.

Dengan lafaz ‘Bismillahiramanirahim’, saya dengan penuh rasa kesyukuran kepada Allah merasmikan Majlis Konvokesyen Maktab Koperasi Malaysia Ke-21.

16. Sekian. Terima kasih

**WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASAMUALAIKUM WARAHMATULLAH  
HIWABARAKATUH**